

# Peringatan kepada calon MT

# Henti kempen kotor: PM

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

**KUALA LUMPUR, Ahad — Semua calon jawatan Majlis Tertinggi Umno dalam pemilihan parti hujung bulan ini dinasihat supaya jangan mengadakan kempen kotor yang membabitkan penggunaan wang dan jentera kerajaan serta mengadakan pakatan, bagi mengelakkan berulangnya tragedi 1987.**

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata seseorang itu sepatutnya bertanding berasaskan kepada rekod kerjanya dalam parti dan kerajaan.

Beliau berkata, semua ahli Umno berhak untuk bertanding jawatan parti, termasuk naib presiden, tetapi mereka terlebih dahulu harus menilai rekod masing-masing sebagai anggota parti dan kerajaan sebelum membuat keputusan untuk bertanding.

"Berapa banyak yang hendak bertanding (jawatan) naib presiden, itu ialah hak masing-masing," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Keluarga Kebangsaan di Stadium Bandar Tun Razak di Cheras, hari ini.

Mengulas mengenai ramai pemimpin yang berhasrat bertanding jawatan naib presiden dalam pemilihan 30 November ini, Presiden Umno itu berkata, kempen yang dijalankan sekarang nampak mem-

bimbangkan dan ia amat tidak sihat kepada perpaduan dan kestabilan parti.

Menurutnya, kempen bercorak pengajaran majlis jamuan dan menjemput orang dari negeri tertentu juga hendaklah dielakkan.

"Apabila seseorang itu berkempen, ia akan hanya menimbulkan fitnah sama ada secara langsung atau tidak dan ini seterusnya mungkin boleh memecahbelahkan parti.

"Kita mahu jamuan makan tidak diadakan langsung, tetapi kerana ada satu pihak yang terlebih dulu melakukannya, pihak lain pun terpaksa buat untuk menjawab segala fitnah," katanya.

## Bimbang

Sehubungan itu, Presiden Umno itu menegaskan, jika ada yang berbuat begitu, beliau tidak akan teragak-agak untuk mendedahkannya kepada umum, walaupun tanpa merujuk kepada nama orang berkenaan.

"Saya akan memberitahu kepada umum bahawa orang seumpama itu menggunakan kempen cara salah dan ahli Umno tidak sepatutnya menyokong mereka," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau bimbang jika orang yang menggunakan cara tidak sihat itu menang, mereka akan menggunakan cara yang sama kepada parti kelak.

"Kita lihat bagaimana pada 1987 satu pihak menggunakan wang, tekanan dan mengawal undi. Apabila orang itu kalah, mereka menggunakan pelbagai cara untuk membunuh parti.

"Kalau begini kelakuan kita, Umno akan hancur," tegasnya.

Beliau berkata, seseorang itu sepatutnya bertanding berasaskan kepada rekodnya sebagai anggota parti dan kerajaan, termasuk kerja yang dilakukannya selama ini.

"Jangan sekali-kali menggunakan pegawai dan kakitangan kerajaan seperti daripada Kemas dan Jabatan Penerangan. Jangan gunakan wang...perbuatan begini tidak baik kerana jika orang yang menggunakan wang berjaya menjadi pemimpin, rosaklah parti," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau ada mendengar mengenai wujudnya pakatan kumpulan tertentu yang mahu orang dalam kumpulan mereka menang.

"Perbuatan ini tidak sihat. Jangan sesiapa pun adakan pakatan...jangan ada pasangan atau kumpulan dalam pertandingan," katanya.

Setakat ini, pemimpin Umno yang sudah menyatakan persetujuan masing-masing untuk menawarkan diri bertanding jawatan naib presiden ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib; Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar.

Ketiga-tiga naib presiden sekarang juga sudah memutuskan untuk mengekalkan jawatan masing-masing. Mereka ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.